



KENYATAAN MEDIA

25 JULAI 2025

**SESI TOWNHALL “SEMBANG SANTAI DASAR SAMPAI” BERSAMA YB ANFAAL
KUKUHKAN PERANAN PBT & PDT DALAM DASAR WANITA DAN DASAR EKONOMI
PENJAGAAN**

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan telah menganjurkan sesi townhall bertajuk “Sembang Santai Dasar Sampai” bersama YB Anfaal binti Saari bertempat di Kompleks PKNS Shah Alam pada 25 Julai 2025.
2. Townhall ini bertujuan untuk membumikan serta mendapatkan maklum balas terus dari lapangan berkenaan dua dasar utama negeri, iaitu Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2024–2030 dan Dasar serta Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026.
3. Seramai 100 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh Selangor telah hadir, menjadikan sesi ini sebagai platform penting untuk memperkukuh peranan pemegang taruh tempatan dalam menjayakan dasar kerajaan negeri.
4. Sesi ini telah membuka ruang untuk peserta berkongsi cabaran dan amalan terbaik di kawasan masing-masing serta menyampaikan cadangan penambahbaikan pelaksanaan dasar. Townhall ini menampilkan sesi soal jawab bersama YB Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, serta perbincangan kumpulan melibatkan wakil PBT dan PDT yang membincangkan aspek-aspek pelaksanaan dasar.
5. Program ini dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) sebagai agensi pelaksana utama, dengan harapan agar kolaborasi erat antara kerajaan negeri dan PBT akan terus diperkukuh dalam menjayakan agenda pemerkasaan wanita dan pengarusperdanaan ekonomi penjagaan. Kedua-dua dasar ini selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk membina yang Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

ANFAAL BINTI SAARI

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat